

**SULIT**

**NO. SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9973**

**SOALAN :**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil untuk mengesan anggota ahli IS (Islamic State) yang memasuki Malaysia dari Timur Tengah.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha menyekat kemasukan anggota-anggota kumpulan pengganas Daesh ke negara ini susulan tindakan menggempur kubu-kubu kuat Daesh di Timur Tengah.**

**Antaranya tindakan yang diambil adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh pihak Polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapi dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.**

**Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan**

## **SULIT**

**Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara pihak Polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. Pihak PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada segi operasi tangkapan yang dilancarkan oleh pihak Polis dari semasa ke semasa.**

**Pada masa yang sama, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambahbaik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:-**

- (a) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (b) Kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;**
- (c) Meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada;  
dan**

**SULIT**

- (d) Menjalinkan kerjasama dengan semua agensi /Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD  
[ LIPIS ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 40**

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah tahap penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan dari luar negara khususnya dari negara Thailand yang semakin hari semakin kelihatan bebas untuk keluar masuk ke dalam negara kita.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967 membenarkan kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dan proses kemasukan ini dikawal oleh Kerajaan melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (*International Circulation Permit - ICP*) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.

Pada masa ini, kenderaan asing dari Thailand diberi kelonggaran untuk memasuki Malaysia tanpa ICP dan insurans bagi jarak sejauh 2km. Kelonggaran ini diberikan sebagai timbal balas kepada kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Thailand melalui persefahaman yang di persetujui di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand pada tahun 1993.

Kementerian ini juga akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit (VEP)*. Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017 dan fasa 2 untuk sempadan Malaysia-Thailand bermula awal tahun 2018.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara.